

Presiden Semangat 46 kemuka saman malu

BM - 7 001 1990

Oleh ROSNIZA RASUK

KUALA LUMPUR: Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, semalam menyaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dua syarikat akhbar tempatan - The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) dan Utusan Melayu (M) Berhad kerana didakwa memfitnahnya dengan berita palsu.

Bellau memohon perintah mahkamah menghalang defendan dan setiap daripada mereka, sama ada mereka dengan sendirinya atau ejennya atau sebaliknya daripada menerbitkan kenyataan itu atau selanjutnya yang mencerminkan negatif terhadap plaintif atau mengedar dan menyebarkan pita rakaman berkenaan.

Ahli Parlimen Kawasan Gua Musang itu, mengemukakan saman malunya kira-kira jam 11.15 pagi, oleh peguamnya Encik Yeoh Poh San, di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, di sini.

Saman malu itu berhubung kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir yang mendedahkan mempunyai pita ucapan Presiden Semangat 46 itu yang mahu menghapuskan PAS dan DAP apabila memenangi pilihanraya umum akan datang yang didakwanya sebagai fitnah dan palsu serta berniat jahat untuk menghina nama baiknya.

Tuntutan

Dalam kenyataan tuntutannya, Tengku Razaleigh menamakan Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno Baru sebagai defendan pertama, manakala NSTP dan Utusan Melayu (M) Berhad sebagai defendan kedua dan ketiga.

Tengku Razaleigh mendakwa defendan pertama dalam cubaan untuk memburukkannya telah secara salah serta berniat jahat dan dengan niat mencederakan plaintif (Tengku Razaleigh) berkomplot bersama defendan kedua dan ketiga untuk menyiarkan atau menyebabkan untuk disiarkan kenyataan palsu dan fitnah yang berkaitan dengan plaintif.

Bellau mendakwa kenyataan Perdana Menteri di Changloon, Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu dan disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu dan Utusan Malaysia pada 21 September lalu, Berita Harian (22 September), NST (24 September) serta dalam Utusan Melayu dan Utusan Malaysia pada 2 Oktober lalu, bermaksud plaintif (Tengku Razaleigh), adalah seorang hipokrit, tidak jujur dan tidak layak memegang jawatannya.

Tengku Razaleigh bagaimanapun, menafikan beliau pernah mengatakan akan menghapuskan PAS dan DAP apabila "Barisan Alternatif" berkuasa sebaliknya mendakwa kenyataan itu adalah tipu helah semata-mata yang lahir daripada tujuan defendan pertama membubarkan Barisan Alternatif.

Menurutnya, laporan itu mencemarkan keperibadian dan nama baiknya serta kepercayaan terhadap jawatan-jawatannya yang diketengahkan sebagai skandal awam dan penghinaan.

Di samping itu, beliau juga menuntut ganti rugi khas berjumlah \$12,000, untuk menyangkal tuduhan yang tidak berasas itu, kos dan perkara lain yang difikirkan perlu oleh mahkamah.